

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
AJARAN TIJAH @ KHATIJAH BT ALI**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah menerima laporan mengenai Ajaran Tijah @ Khatijah bt Ali yang didapati bertentangan dengan ajaran Nabi Muhammad s.a.w. Oleh itu, pihak Jawatankuasa telah diminta untuk memberi respon dan membuat keputusan yang sewajarnya mengenai ajaran ini.

**2. LATAR BELAKANG**

Nama beliau ialah Tijah @ Khatijah bt Ali, berumur 53 tahun dan berasal dari Besut, Terengganu. Kini beliau tinggal di Lot 231, Jalan Jurutera, Batu 13 1/2, Puchong yang juga menjadi pusat kegiatan ajaran ini. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Thanawiah Lil Banat, Pasir Puteh, Kelantan. Tarikat yang dibawa oleh beliau ialah Tarikat Naksabandiyah Mahyudin Ibnu Arabi dan beliau mengambil ijazah dari Haji Ibrahim Patani. Beliau mendalami ilmu Tasawuf daripada guru pondok berikut :

- a) Hj. Ibrahim Pattani (Kelantan)
- b) Hj. Suaibun Ahmad (Terengganu)
- c) Hj. Osman (Yala, Thailand)

**3. CIRI-CIRI AJARAN**

**3.1 Huraian mengenai fahaman Wahdatul Wujud.**

Puan Khadijah menjelaskan bahawa jika kita merasakan kita ini wujud hukumnya syirik, kerana satu sahaja yang wujud yakni Allah. Makhluq hanyalah merupakan bayangan kewujudan Allah. Setiap objek yang dilihat oleh beliau dan pengikutnya adalah Allah. Ini adalah kesimpulan dan pengakuan beliau sendiri dalam perjumpaannya dengan pegawai-pegawai di

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 24 Ogos 1988 di bilik gerakan Ibu Pejabat Agama Islam Wilayah Persekutuan, Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara, 50676 Kuala Lumpur.

Fahaman ini adalah bertentangan dengan fahaman Wahdatul Wujud yang dibawa oleh Ibnu Arabi. Kesimpulan yang dibuat oleh Ibnu Arabi ialah, setiap yang wujud mempunyai dua aspek iaitu aspek luar bersifat kemakhlukan dan aspek dalaman bersifat ketuhanan.

### 3.2 Martabat Tujuh

Puan Khatijah juga mengajar Martabat Tujuh kepada muridnya dengan menghuraikan perkara tersebut satu persatu. Namun begitu, dalam kitab as-Sumulu as-Samiyah ulasan Syiekh Muhamad Katib mengenai Martabat Tujuh menyatakan adalah sesat orang yang berpegang dengan ilmu Martabat Tujuh.

### 3.3 Pembahagian Tauhid

Menurut kumpulan ini, ilmu Tauhid terbahagi kepada 4 bahagian :

- a) Tauhid Uluhiyah
- b) Tauhid Rububiah
- c) Tauhid Ilahiah
- d) Tauhid Ubudiah

Puan Khadijah tidak menjelaskan satu persatu mengenai pengertian keempat-empat bahagian Tauhid di atas.

### 3.4 Asal Kejadian Insan.

Mereka berusaha mengenal diri, bagi tujuan mengenal Allah berdasarkan hadis

## من عرف نفسه فقد عرف ربه

Yang bermaksud “ sesiapa yang mengenal dirinya maka kenal ia akan Tuhannya”. Namun, menurut Dr. Fatah Harun Ibrahim, ungkapan di atas bukan hadis, ia hanyalah ungkapan yang dilafazkan oleh seorang tokoh tasawuf. Mendakwa ungkapan di atas sebagai hadis adalah salah dan merupakan satu pembohongan terhadap Rasulullah s.a.w.

### 3.5 Nur Muhamad

Hakikat insan menurut Puan Khatijah dpat dikonklusikan sebagai Nur Muhammad. Nur Muhammad berasal dari Nur Allah. Sebab itulah Muhammad disebut sebagai bapa segala roh dan Adam bapa segala manusia, berdasarkan hadis yang berbunyi :

انا ابو الارواح وادم ابو البشر

Maksudnya : Aku adalah bapa segala Roh dan Adam adalah bapa segala manusia (tubuh).

Hadis ini dipetik dari kitab Durun Nafis muka surat dua puluh dua. (baris keempat dari bawah).

Dimasa yang lain pula, Puan Khadijah Ali pula menjelaskan begini, tubuh kita dadalah Mmuhammad, Rohani kita namanya Ahmad. Dia akhirat nanti Ahamad berada diluar dan Muhammad didalam. Inilah yang dimaksudkan bagkit dengan Roh dan Tubuh di akhirat nanti.

Muhammad Rasulullah sudah mati, tubuh kita ganti Rasulullah. Muhammad Rasulullah menghimpun dan menyempurnakan syariat segala rasul dan nabi-nabi, kemudian memukulnya, kita adalah ganti Muhammad, maka kita juga menanggung tugas Muhammad.

### 3.6 Mengeluarkan Fatwa dan ajaran lain.

Puan Khatijah juga mengatakan kepada pengikut-pengikutnya bahawa sesiapa yang menangis di dalam sembahyang hukumnya adalah syirik, kerana ia masih mengakui bahawa dirinya wujud. Menurut ajaran beliau, ketika kita sembahyang, insan tidak lagi wujud yang sembahyang ialah Ahmad. Cara sembahyang juga diajarkan kepada muridnya, iaitu apabila kita mengangkat Takbiratul Ihram, kita hendaklah menarik nafas dari pusat ke atas, kemudian Munajad dan Tabdal, barulah sempurna sembahyang kita.

## 4. TINDAKAN

Beliau pernah didakwa oleh JAWI kerana kesalahan mengajar tanpa tauliah pada tahun 1980. Bahagian Penguatkuasa juga pernah membuat siasatan terhadap beliau dengan meninjau lokasi dan bilangan ceramah yang diadakan. Ajaran beliau telah difatwakan menyeleweng oleh JAWI pada 6 Julai 1989.

## 5. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor dalam persidangannya yang bertarikh 12 Februari 1998 telah membincangkan perkara di atas dan keputusannya adalah seperti berikut :

**“ Bahawasanya, Ajaran Tijah @ Khatijah bt. Ali adalah bertentangan dan menyeleweng daripada akidah umat Islam. Umat Islam yang mengikuti ajaran ini hendaklah bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar ”**